

# Waris sultan selar kenyataan PM Singapura

26 JAN 2001

JOHOR BAHRU, Khamis – Waris keturunan sultan terakhir Singapura, Tengku Mohamed Tengku Mohd Jamil, menyifatkan kenyataan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, yang membandingkan pencapaian orang Melayu di republik itu dan Malaysia seolah-olah mahu melagakan perpaduan Melayu serantau.

Waris keturunan Sultan Hussein Shah itu menegaskan, kenyataan pemimpin tertinggi republik berkenaan benar-benar mahu melihat kejatuhan orang Melayu dalam tempoh jangka panjang.

Katanya, sebagai contoh sebelum ini isu tanah pusaka Istana Kampung Glam terbukti berjaya melagakan beberapa waris Sultan Hussein Shah.

“Atas pengalaman itu, dia (Chok Tong) menerusi kebijaksanaan dan mo-

nopoli yang ada cuba menggunakan taktik kotor itu kepada orang Melayu Malaysia dan Singapura pula.

“Taktik sedemikian boleh menjadi apabila akan ada orang Melayu Singapura bersikap angkuh dan menyifatkan diri mereka hebat, malah lebih hebat daripada Melayu Malaysia.

“Ini sekali gus mengikut telunjuk pemimpin berkenaan dan boleh mewujudkan suasana tidak sihat kepada semangat muhibah yang terjalin dengan orang Melayu Malaysia selama ini,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Kenyataan Perdana Menteri Singapura itu terus dibidas, lebih-lebih lagi kali ini oleh rakyatnya sendiri yang menjadi mangsa keangkuhan kerajaan Singapura dan kini men-

jadi pelarian politik di negara ini.

Tengku Mohamed berkata, beliau amat dukacita kerana pemimpin Singapura sanggup melontarkan kenyataan yang tidak berasas dan menyinggung perasaan negara jiran.

“Oleh itu, orang Melayu Malaysia terutama di peringkat pemimpin harus berhati-hati kerana kerajaan Singapura mempunyai agenda tersendiri.

“Mereka mempunyai perancangan jangka panjang termasuk menguji kesetiaan kaum Melayu setiap masa tidak kira di bawah siapa pemimpin mereka,” katanya.

Beliau berkata, adalah tidak adil pucuk pimpinan Singapura membuat perbandingan sedemikian kerana Melayu Singapura lebih kecil jumlahnya berbanding Melayu Malaysia.